

Menjelang 10 tahun pimpinan Dr Mahathir

Negara alami perubahan

Oleh **BAHA AZUWAN**

DALAM satu wawancara dengan majalah berita serantau sebaik sahaja dilantik sebagai Perdana Menteri, 10 tahun lalu, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan: "kecuali perbezaan gaya dan cara sahaja, barangkali tidak akan ada perubahan besar yang akan berlaku dalam pentadbiran saya".

Apabila secara rasmi mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 16 Julai 1981, beliau telah membangkitkan imaginasi, harapan, dan keyakinan rakyat yang belum pernah berlaku sebelum ini.

Setelah 10 tahun berlalu kini, ternyata imaginasi, harapan dan keyakinan rakyat mulai ketara menampakkan hasil dengan beberapa dasar, langkah dan tindakan melalui visi beliau yang mahu melihat Malaysia negara bermaruah yang dihormati disamping mendapat penghormatan sewajarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulakan dekad pentadbiran beliau dengan menghadapi krisis perlembagaan yang kritikal. Bagaimanapun krisis ini dapat diselesaikan pada akhirnya secara harmonis dengan melahirkan persafahaman di antara pemerintah dengan raja-raja.

thir atas kesedaran mahu menjadikan negara kita di antara negara Islam yang dihormati.

Antara objektif dasar tersebut untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah, beridentiti kukuh dan disegani oleh masyarakat luar di samping menghapuskan sikap negatif dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Melalui dasar tersebut juga persidangan dan pameran Antarabangsa Tamadun Islam sering diadakan. Negara-negara Islam turut memberi kepercayaan dengan merestui penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di negara ini.

Bagi mencapai matlamat penerapan nilai Islam dalam ekonomi, dekad pentadbiran Datuk Seri Dr Mahathir mengambil langkah positif menubuhkan Bank Islam.

Dalam usaha membanteras perjudian secara tegas kerajaan mengharamkan orang Islam memasuki tempat perjudian seperti kasino di Genting Highland; dan yang terbaru memberhentikan Loteri Kebajikan Masyarakat.

PRESTASI

Di samping itu 'Dasar Pandang Ke Timur' dengan objektif utama untuk meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan di negara

Mempercepatkan waktu selama 30 minit selaras dengan waktu Sabah dan Serawak merupakan langkah awal beliau untuk melahirkan masyarakat yang rajin dan tekun di samping tahu menilai kepentingan masa.

Beliau turut memperkenalkan sistem perakam waktu bagi pejabat-pejabat kerajaan dan badan berkanun ke arah mempraktikkan usaha tersebut.

'Kepimpinan Melalui Teladan' pula merupakan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Mahathir bagi menanam dan memupuk ciri-ciri kepimpinan yang berkesan bagi di contohi, dihayati dan diamalkan oleh segenap lapisan anggota kerajaan.

Dasar tersebut mempunyai matlamat untuk meningkatkan daya pengeluaran, mempertingkatkan etika kerja dan mengamalkan perkhidmatan yang bersih.

Selaras dengan matlamat ini beliau turut memperkenalkan dasar 'Bersih Cekap dan Amanah' dengan objektif utamanya untuk mewujudkan satu etika kerja dan sikap berkhidmat yang baru bagi rakyat Malaysia dengan memberikan keutamaan kepada peningkatan daya pengeluaran dan mutu kerja.

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam diperkenalkan oleh pentadbiran Datuk Seri Dr Maha-

ini membawa kesedaran baru kepada masyarakat Malaysia yang selama ini begitu 'inferiority complex' dengan nilai-nilai Timur.

Dasar ini sekaligus mewujudkan golongan masyarakat Malaysia dengan nilai-nilai yakin kepada diri sendiri dan beretika kerja yang positif ke arah mempertingkatkan kemajuan negara lebih bertanggungjawab.

Perkara yang ditekankan dalam dasar ini, kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan di samping menumpukan peningkatan kepada kecekapan dan daya pengeluaran (produktiviti) serta mutu (kualiti).

Dekad pentadbiran Datuk Seri Dr Mahathir juga turut memperkenalkan dasar pengurangan beban perbelajaan awam yang dirangka untuk mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan selaras dengan sumber-sumber yang ada, mengurangkan defisit belanjawan kerajaan ke tahap yang selaras dengan pengurusan ekonomi dan berhati-hati, di samping mengawal pertumbuhan hutang awam supaya tidak menjejaskan kedudukanimbangan pembayaran negara dan kadar pertukaran asing.

Di samping itu 'Dasar Persyarikatan Malaysia' bertujuan mewujudkan kerjasama erat, bermakna dan berkesan antara sektor awam

dan swasta demi pembangunan negara bagi mencapai faedah bersama.

Ia juga bagi menghapuskan sifat permusuhan di antara kedua-dua sektor berkenaan dengan menggalakkan perkongsian maklumat dan saling faham-memahami matlamat kedua belah pihak di samping meningkatkan hasil negara.

Sementara itu 'Dasar Penswastaaan' membawa pendekatan untuk mengurangkan penglibatan kerajaan di dalam kegiatan ekonomi supaya kerajaan dapat menumpukan perhatian yang lebih kepada tugas dan pentadbiran negara.

Dasar tersebut juga membuka peluang untuk menyusun semula struktur peranan di antara sektor awam dengan swasta dalam proses pembangunan negara.

Dekad kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir telah membuatkan Parti Komunis Malaya (PKM) meletakkan senjata untuk mengadakan perjanjian perdamaian pada akhir tahun 1989 setelah berjuang di dalam hutan selama lebih 41 tahun.

Perkembangan tersebut juga membuktikan komunis kini mengakui kewibawaan kerajaan yang begitu mengambil berat terhadap kesejahteraan rakyat dan sekaligus membawa kepada keselamatan negara kini terjamin.

Di samping itu ketegasan dan keberanian dekad kepimpinan beliau untuk memerangi dadah juga mendapat perhatian dunia sehingga Perdana Menteri sendiri diberi kepercayaan menguruskan Persidangan Antarabangsa Mengenai Dadah yang diadakan di Vienna.

Bahkan pemilihan negara kita sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu juga merupakan satu pengiktirafan terhadap kepemimpinan yang diamalkan.

Manakala negara kita menjadi tuan rumah Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada Oktober tahun lalu merupakan satu kejayaan dalam dekad kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

Bahkan kejayaan tersebut juga sekali lagi memberi pengiktirafan bahawa negara kita diberi penghormatan menjadi tuan rumah kepada persidangan Kumpulan 15 negara Negara Selatan.

Sementara itu beberapa Majlis perundingan juga turut diwujudkan antaranya Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) yang bertujuan membantu membentuk dasar ekonomi selepas 1990.

Kejayaan terbaru dekad kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir dengan mengadakan misi ke Amerika Latin yang bukan sahaja berjaya mewujudkan perdagangan dua hala antara benua tersebut dengan Malaysia bahkan satu kejayaan bagi rantau Asia.

Misi tersebut juga telah berjaya meyambung hubungan di antara Amerika Latin dengan Benua Asia yang terasing sebelum ini dan kejayaan tersebut juga turut meletakkan Malaysia ke tahap yang diimpikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir sendiri sebaik sahaja beliau dilantik sebagai Perdana Menteri selepas 16 Julai 10 tahun lalu untuk melihat negara ini sebagai sebuah negara bermaruah dan diberi penghormatan yang sewajarnya.